

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN • 26 APRIL 2025
SINAR M1520 NASIONAL 26/4/2025 (SABTU)

Ketagih 'berasap' di kedai makan

Premis makanan paling banyak kes berdasarkan aduan diterima JKWPKL&P

Oleh HISHAMUDDIN AYUB
KUALA LUMPUR

Premis makanan adalah lokasi paling banyak menjadi tempat merokok berdasarkan aduan diterima Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P) dalam tempoh dua bulan bermula Januari sehingga Februari lalu. Kesalahan merokok dan vape di kedai makan mencatatkan sebanyak 33.45 peratus manakala lokasi kedua tertinggi ialah di kompleks beli-belah dengan 29.68 peratus.

Selain itu, sebanyak 16.37 peratus turut direkodkan melibatkan lokasi di hentian pengangkutan awam.

Pengarah Kesihatan Negeri, JKWPKL&P, Dr Nor 'Aishah Abu Bakar berkata, pihaknya banyak menerima aduan awam berhubung kesalahan merokok dan vape di premis makanan.

Menurutnya, aktiviti merokok hanya boleh dilakukan bermula tiga meter dari meja dan kerusi terakhir di mana makanan dan minuman dihidangkan di tempat makan.

"Pemilik premis makanan yang gagal memasang papan tanda larangan merokok dan vape boleh dikenakan notis kesalahan dan dikenakan kompaun.

"Selain itu, menjadi satu kesalahan sekiranya pemilik kedai makan menyediakan bekas abu rokok kepada pelanggan kerana perbuatan itu seumpama menggalakkan atau membenarkan orang ramai merokok di

premis makanan," katanya ketika ditemui Sinar Harian, baru-baru ini.

Pemilik kedai patuh peraturan

Beliau berkata, KKM mendapati sebahagian besar pemilik kedai patuh dengan peraturan terbabit.

Namun, kesedaran pelanggan untuk tidak merokok di kawasan diwartakan masih perlu ditingkatkan.

"Sebagai contoh, jika ditangkap kerana melakukan kesalahan tersebut, perokok tegar akan berpura-pura tidak tahu ia merupakan kawasan larangan merokok yang wajib dipatuhi.

"Ada juga berlaku seperti tidak mengetahui larangan merokok di tempat awam dan ada juga yang membuat aksi terkejut kononnya tidak menyedari bahawa menjadi satu kesalahan merokok di lokasi-lokasi yang digazetkan.

"Alasan-alasan tersebut akan dijadikan modal bagi melepaskan diri daripada dikenakan tindakan oleh penguat kuasa KKM yang melakukan operasi di kawasan larangan berkenaan," katanya.

Beliau berkata, menerusi Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] yang dikuatkuasakan pada 1 Oktober tahun lalu, sebanyak 28 kawasan atau tempat diwartakan sebagai kawasan atau tempat larangan merokok termasuk pusat hiburan atau teater.

Tegasnya, perintah kawalan produk merokok demi kesihatan awam itu membabitkan pengisytiharan kawasan atau tempat larangan merokok yang baharu dengan denda maksimum sehingga RM5,000 sekiranya didapati bersalah oleh mahkamah.

"Sebenarnya orang ramai yang ditangkap kerana merokok atau vape sudah tidak boleh memberi alasan sekiranya ditangkap pihak berkuasa.

"Ini kerana banyak sebaran maklumat dan pemakluman awam dibuat KKM termasuk di platform media sosial, selain



Dr Dzulkefly (kiri) meletakkan papan tanda larangan merokok yang baharu di sebuah premis makanan bersempena Program Walkabout Premis Bersih Bebas Asap (BeBAS).



Pelanggan kedai makan dimaklumkan mengenai kesalahan merokok di kawasan awam mengikut Akta 852 oleh penguat kuasa Pejabat Kesihatan Titiwangsa.

usaha mendidik masyarakat tentang bahaya merokok.

"Peraturan atau larangan ini sudah lama dilaksanakan dan mustahil ia tidak diketahui," tegas beliau.

Jelasnya, larangan merokok turut dikenakan di mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan, sama ada di tempat awam atau dalam mana-mana bangunan selain bangunan persendirian atau kediaman.

"Bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan juga tidak dibenarkan.

"Bangunan stadium, pusat kecergasan atau gimnasium serta bangunan hentian pengangkutan awam turut termasuk dalam 28 kawasan atau tempat larangan demi menjaga kesihatan dan kesejahteraan semua pihak," ujarnya.

Ketika ditanya adakah tempat kerja dikategorikan sebagai tempat larangan, Dr Nor 'Aishah berkata, ia termasuk dalam tempat tidak dibenarkan merokok dan vaping.

Namun begitu katanya, sekiranya pekerja hendak merokok, kawasan yang dibenarkan adalah dikira selepas tiga meter dari kawasan kaki lima dan termasuk litup-

an bumbung kekal tambahan yang bersambungan dengan bangunan tempat kerja.

Dr Nor 'Aishah berkata, aktiviti penguatkuasaan berterusan secara berjadual dan tindakan terhadap aduan dilaksanakan oleh pegawai diberi kuasa (PDK) daripada semua Pejabat Kesihatan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku 2004 dan kini diteruskan di bawah Akta 852.

Beliau berkata, penguatkuasaan ini melibatkan penglibatan pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan kelancaran pelaksanaan larangan merokok di ibu negara dan Putrajaya.

Tegasnya, penglibatan agensi kerajaan membuktikan kesungguhan negara dalam melindungi kesihatan orang awam daripada bahaya asap rokok.

Remaja 'selamba' merokok, vape

Nor 'Aishah berkata, remaja bawah 18 tahun antara yang pernah ditahan atas kesalahan merokok atau vape di kawasan larangan.



Dr Dzulkefly (tengah) menunjukkan tanda larangan merokok ketika Program Walkabout Premis Bersih Bebas Asap (BeBAS) di sekitar ibu negara, Sungai Besi dan Cheras.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

SINAR MHS 26 NASIONAL 26/4/2025 (SABTU)

Perlindungan warga emas, KKM tawar vaksin influenza percuma

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan (KKM) menawarkan 57,093 slot janji temu bagi warga emas dengan komorbid mendapatkan vaksin influenza secara percuma menerusi Program Imunisasi Influenza Warga Emas, di 649 Klinik Kesihatan (KK) terpilih hingga akhir Ogos ini.

KKM menerusi kenyataan pada Khamis memaklumkan hingga 20 April lepas, sejumlah 59.47 peratus warga emas dengan komorbid telah menerima suntikan vaksin influenza, berdasarkan jumlah dos vaksin yang dibekalkan ke fasiliti kesihatan kerajaan di seluruh negara.

“Warga emas yang layak disarankan segera membuat janji temu sebelum slot ditutup. Vaksin diberikan secara percuma dan merangkumi kos vaksin, peralatan, serta khidmat kesihatan berkaitan.

“Janji temu boleh dibuat melalui apli-

kasi MySejahtera. Orang ramai juga boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan, melayari portal rasmi atau media sosial KKM atau hadir sendiri ke KK untuk mendapatkan maklumat lanjut,” menurut kenyataan.

KKM memaklumkan warga emas yang tidak mempunyai akses MySejahtera boleh hadir secara datang terus ke KK yang disenaraikan untuk pendaftaran dan suntikan, tertakluk kepada slot yang tersedia.

Program Imunisasi Influenza Warga Emas yang menawarkan vaksin influenza secara percuma kepada warga emas mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit komorbid atau kronik itu, mula dilaksanakan pada 18 Februari lepas.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh merujuk laman web rasmi KKM atau hadir terus ke KK yang terlibat. - *Bernama*



Program Imunisasi Influenza Warga Emas yang menawarkan vaksin influenza secara percuma kepada warga emas mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit komorbid.
- *Gambar hiasan*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

8

NEWS / Nation

NSF m/s 8 NATION 26/4/2025 - SABTU

PUBLIC HEALTH CONCERN

SELANGOR TO STUDY VAPE SALE BAN

Meeting on proposal will involve federal, state agencies, says state exco chairman

SHAH ALAM

THE Selangor Public Health and Environment Committee chairman Jamaliah Jamaluddin said the meeting would involve other stakeholders, including federal and state departments and agencies and local authorities.

"This discussion is expected to involve the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to obtain a more comprehensive picture of enforcement, legal aspects and the socioeconomic impact," she said yesterday.

She said the Health Ministry and state Health Department played a role in regulating the registration, labelling, packaging and sale of smoking products and enforcing the ban on smoking and vaping under the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024.

She said business licences were regulated by the local government and currently, licences were only for the sale of electronic equipment, not for electronic cigarettes or vape liquids.

"The state government stresses that any decision we make will be based on detailed studies and will take into account public health, enforcement effectiveness and the wellbeing of the people."

"I appreciate the concerns of all parties, including the proposal by Deputy Inspector-General of Police Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay recently. We are committed to examining this issue comprehensively and inclusively."

On Thursday, the Terengganu government announced a ban on the sale of electronic cigarette products at all premises in the state from Aug 1.

On April 18, Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said Selangor was ready to review a proposal to ban the sale of vapes in the state. **Bernama**



Cigarette and vape litter at Taman Tasik Titiwangsa in Kuala Lumpur. On Thursday, the Terengganu government announced a ban on the sale of electronic cigarette products at all premises in the state from Aug 1. **BERNAMA PIC**

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

~~THE STAR MIS 4 NATION 26/4/2025 (SABTU)~~

Free vaccines for at-risk seniors

KUALA LUMPUR: The Health Ministry is offering 57,093 appointment slots for senior citizens with comorbidities to receive free influenza vaccinations.

The initiative, under the Influenza Immunisation Programme for Senior Citizens, is being implemented at 649 selected health clinics nationwide until the end of August.

"Eligible senior citizens should book their appointments promptly before all slots are filled.

"The vaccine is provided free of charge, covering the cost of the vaccine, equipment and related healthcare services.

"Appointments can be made via the MySejahtera app," it said.

The public may also contact their nearest district health office, visit the ministry's website or social media pages or walk in to any participating health clinic for further information, Bernama reported.

The ministry added that senior citizens without access to MySejahtera may walk into any listed health clinic for registration and vaccination, subject to slot availability.

"This step is crucial in preventing serious complications and reducing hospital admissions due to influenza infections among high-risk groups," the ministry said.

The programme which provides free influenza vaccines to senior citizens with one or more chronic illnesses, began on Feb 18.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M/S 12 NEGARA 26/4/2025 (SABTU)

Selangor teliti pengharaman vape

- **Ambil kira pandangan pihak berkepentingan**
- **Pandang serius isu salah guna dadah sintetik**

Remaja guna vape terdedah dadah 'zombi'

AKOR SELANGOR - Polis tidak pertanah dadah jenis dadah disedut melalui peranti elektronik yang dikenali sebagai dadah vape. Dadah vape ini adalah jenis dadah sintetik yang terdapat dalam peranti elektronik yang dikenali sebagai dadah vape. Dadah vape ini adalah jenis dadah sintetik yang terdapat dalam peranti elektronik yang dikenali sebagai dadah vape.

KERATAN KOSMO! 18 April 2025.

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

SHAH ALAM - Satu mesyuarat khas bersepadu akan diadakan dalam tempoh terdekat bagi meneliti keperluan pengharaman penjualan rokok elektronik atau vape di Selangor.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin berkata, perbincangan itu akan dilakukan pihak-

neliti secara menyeluruh keperluan mengharamkan penjualan vape di Selangor seperti dinyatakan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari baru-baru ini.

"Kita memandangkan serius isu ini dan akan memastikan pandangan semua pihak berkepentingan diambil kira sebelum sebarang keputusan dibuat," katanya semalam.

Kosmo/ pada 18 April lalu melaporkan kerajaan negeri akan meneliti cadangan pengharaman vape yang menjurus kepada penyalahgunaan dadah sintetik termasuk 'fentanyl' atau dadah zombie.

Terdahulu, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay menegaskan, kerajaan negeri boleh mengambil

tindakan mengharamkan penjualannya kerana lesen penjualan itu berada di bawah PBT.

Mengulas lanjut, kata Jamaliah, Kementerian Kesihatan (KKM) dan JKNS berperanan penting antaranya mengawal selia pendaftaran, penjualan dan penguatkuasaan kawasan larangan merokok dan vape mengikut Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

"Bagi peringkat kerajaan negeri, lesen penjualan dikawal selia oleh PBT dan buat masa ini, lesen yang dikeluarkan khusus bagi penjualan peralatan elektronik, bukan untuk rokok elektronik atau cecair vape.

"Perbincangan turut dijangka melibatkan Kementerian Per-

dagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi mendapatkan gambaran menyeluruh dari aspek penguatkuasaan, perundangan dan kesan terhadap sosio ekonomi negeri," kata beliau.

Sebelum ini, Terengganu telah mengumumkan untuk melaksanakan larangan penuh terhadap penjualan rokok elektronik dan vape di semua premis perniagaan di negeri itu bermula 1 Ogos ini.

Kerajaan Johor juga telah mengekalkan larangan penjualan rokok elektronik atau vape di negeri itu sama seperti yang diputuskan sejak 1 Januari 2016 dan akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menjualnya secara terbuka.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 24
RUANGAN : NASIONAL

SINAR M/S 24 NASIONAL 26/4/2025 (SABTU)

Mesin CT Scan dilengkapi AI di Hospital Gleneagles

Institusi perubatan pertama di Asia Tenggara menggunakan sistem imbasan CT berteknologi tinggi

Oleh SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI
GEORGE TOWN

Hospital Gleneagles Pulau Pinang melakar sejarah apabila melancarkan Mesin Pengimbas Tomografi Berkomputer (CT Scan) berteknologi tinggi iaitu SOMATOM Pro.Pulse Computed Tomography (CT).

Mesin CT Scan itu adalah pertama di Asia Tenggara dan teknologi terkini-nya membolehkan proses diagnosis dilakukan lebih pantas dan tepat, sekali gus menyokong keputusan rawatan serta memberikan pengalaman lebih selesa kepada pesakit di rantau ini.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Gleneagles Pulau Pinang, Ng Bong Seng berkata, pengenalan teknologi baharu itu mencerminkan komitmen hospital dalam menyediakan penjagaan bertaraf tinggi kepada pesakit.

"Pemerolehan SOMATOM Pro.Pulse CT adalah bukti komitmen kami dalam memberikan standard penjagaan tertinggi di samping meminimumkan



Daniel (tiga dari kiri) dan Bong Seng (tiga dari kanan) menunjukkan SOMATOM Pro.Pulse CT pertama di Asia Tenggara di Hospital Gleneagles Pulau Pinang.

tekanan serta ketidakselesaan kepada pesakit.

"Kami berbangga menjadi institusi perubatan pertama di Asia Tenggara yang menggunakan sistem ini, sekali gus memperluaskan akses kepada imbasan CT lanjutan kepada penduduk tempatan

pada Jumaat.

Tambah beliau, pengimbas SOMATOM Pro.Pulse CT direka khas bagi memastikan pemeriksaan dilakukan dengan lebih cepat dan selesa, terutama untuk pesakit yang mempunyai kadar degupan jantung tidak teratur atau mengalami kesukaran untuk kekal dalam keadaan pegun.

"Sistem tersebut turut dilengkapi ciri myExam Companion berasaskan kecerdasan buatan (AI) yang dapat memperincikan setiap imbasan berdasarkan kadar degupan jantung dan keupayaan penerafasan pesakit.

"Ia bukan sahaja menjadikan proses pemeriksaan lebih lancar, malah membantu golongan kanak-kanak dan warga emas kerana dapat mengurangkan masa mereka berada di dalam Bilik CT," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Siemens Healthineers Malaysia dan Singapura, Siow Ai Li berkata, pihaknya amat berbangga dapat membawa masuk teknologi tersebut ke Malaysia melalui kerjasama bersama Hospital Gleneagles Pulau Pinang.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGERI

UTUSAN MALAYSIA MISC 01 NEGERI 26/4/2025 (SABTU)
Krisis Perang Dagangan Amerika-China

Peluang pengukuhan keupayaan sistem kesihatan negara

PUTRAJAYA: Kini, negara dilanda krisis baharu berskala global akibat perang dagangan Amerika Syarikat (AS)-China yang berlaku selepas kita bersusah payah bertahan semasa pandemik Covid-19.

Walaupun berdepan dengan kejutan besar ekonomi dan aktiviti kehidupan seharian, Malaysia dapat mengatasinya dengan baik berbekalkan pendekatan strategik bagi memulihkan ekonomi dan situasi sosial terbeban.

Insya-Allah, krisis kali ini juga dapat ditangani dengan baik, bermula dengan pengukuhan jalinan ekonomi dan inovasi kepada ancaman kerapuhan ekonomi antarabangsa.

Lawatan kerja Presiden China, Xi Jinping baru-baru ini mengingatkan lagi kepentingan penting untuk berkongsi masa depan yang saling menguntungkan kedua-dua negara.

Antara inisiatif yang diperkenalkan adalah pengukuhan keupayaan teknologi kebangsaan yang akan dipertingkatkan melalui Projek Kerjasama Penyelidikan

China-Malaysia dan Program Pertukaran Kepakaran Sains dan Teknologi.

Salah satu fokusnya adalah jaminan akses dan pembangunan vaksin, sebagai kesinambungan kerjasama strategik sejak tercetus pandemik terburuk dunia itu.

Rantaian bekalan dunia sedang bergolak, mendesak Malaysia untuk mengorak langkah bagi mengukuhkan reputasi dan peranannya dalam aliran bekalan dan pembuatan global pelbagai produk teknologi tinggi.

Kita harus meninjau peluang baharu terutamanya bekalan ubat dan peralatan perubatan, dalam memastikan kelangsungan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti dan terkawal kos untuk rakyat tempatan. Pasaran China boleh dilihat sebagai alternatif kepada pasaran di Barat untuk mendapatkan bekalan ubat dan vaksin terkini.

Pemulaan penghijrahan cendekiawan Sains terutamanya dari AS sudah pun berlaku, sejak pemotongan belanjawan Sains Pentadbiran Donald Trump mula

menunjukkan kesan.

Baru-baru ini China

memperluas peluang profesional asing untuk bekerja di negara itu dalam beberapa sektor yang terkehadapan yang lain seperti bidang terapi sel dan gen (CGT).

CGT melibatkan pengolahan tahap molekular gen dan sel bagi merawat atau mencegah penyakit. Kajian percubaan klinikal bagi terapi gen bermula pada awal 1990-an di Barat. Namun begitu, negara pertama yang meluluskan penggunaan terapi gen bagi merawat penyakit kanser adalah China pada 2003.

Malah momentum ini masih dikekalkan dengan hampir 17 percubaan klinikal baharu didaftarkan di China berbanding 21 di AS pada 2022.

China kini diakui sudah mendahului Barat dalam teknologi CGT, disokong ekosistem polisi kukuh, peluang pelaburan yang inovatif dan kewujudan dasar yang membolehkan akses awal kepada penemuan teknologi terkini.

Walaupun kos rawatan CGT terkini boleh mencecah RM20 juta, jauh daripada kemampuan individu yang berada di Morocco selesai

dalam dua jam.

Selain itu, China juga mendahului dalam teknologi tinggi kesihatan terkini dan terkehadapan yang lain seperti bidang terapi sel dan gen (CGT).

CGT melibatkan pengolahan tahap molekular gen dan sel bagi merawat atau mencegah penyakit. Kajian percubaan klinikal bagi terapi gen bermula pada awal 1990-an di Barat. Namun begitu, negara pertama yang meluluskan penggunaan terapi gen bagi merawat penyakit kanser adalah China pada 2003.

Malah momentum ini masih dikekalkan dengan hampir 17 percubaan klinikal baharu didaftarkan di China berbanding 21 di AS pada 2022.

China kini diakui sudah mendahului Barat dalam teknologi CGT, disokong ekosistem polisi kukuh, peluang pelaburan yang inovatif dan kewujudan dasar yang membolehkan akses awal kepada penemuan teknologi terkini.

Walaupun kos rawatan CGT terkini boleh mencecah RM20 juta, jauh daripada kemampuan individu

biasa, ia bukanlah alasan bagi pakar tempatan dihalang daripada peluang mendapat latihan dan pendedahan kepada teknologi ini.

Dengan halangan yang wujud di AS bagi kepakaran asing mendapatkan latihan dan pengalaman di sana, maka peluang alternatif pemindahan teknologi yang diwujudkan seperti ini haruslah disokong.

Hubungan dagang China-Malaysia sudah pun wujud lebih 500 tahun lalu, semasa Maharaja Wu Ti memerintah Dinasti Han seawal abad ke-15 lagi.

Justeru, demi kebaikan sejagat, kerjasama baik yang mempunyai asas sejarah antara kedua-dua dapat dikukuhkan lagi untuk memanfaatkan kemajuan saintifik dan teknologi tinggi bagi memacu kemajuan keupayaan sains dan teknologi kebangsaan serta daya persaingan negara dalam industri berteknologi tinggi.

Prof Dato Dr. Hanafiah Harun Rashid
Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur) Universiti Kebangsaan Malaysia